



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & ALAM SEKITAR
(MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND THE ENVIRONMENT)
TINGKAT 2 & 13, PLAZA PEKELILING
NO. 2, JALAN TUN RAZAK
504000 KUALA LUMPUR



Telefon: 03-40423633/40423657/
40423658/40425462
40425470/40425633
Telefak: 6-03-40415855

30 Mei 2001

NOTIS PEMBERITAHUAN AELB
BIL. 02/2001

**KURSUS DAN AGENSI LATIHAN DALAM BIDANG PERLINDUNGAN
ATAU KESELAMATAN SINARAN YANG DIKTIRAF OLEH
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)**

TUJUAN

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen berhubung dengan kursus dan agensi latihan dalam bidang perlindungan atau keselamatan sinaran yang diiktiraf oleh AELB.

LATARBELAKANG

2. Bagi tujuan pengiktirafan pekerja sinaran (bukan perubatan) sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS), Penyelia (PY) dan Pengendali (P - khusus untuk aktiviti radiografi industri), pemegang lesen hendaklah mengemukakan sijil kehadiran kursus perlindungan atau keselamatan sinaran yang diiktiraf oleh AELB. Sijil kehadiran kursus akan dikeluarkan oleh agensi latihan setelah peserta menghadiri kursus yang dianjurkan. Kursus dan agensi latihan dalam bidang perlindungan atau keselamatan sinaran yang diiktiraf oleh AELB adalah seperti berikut:

Kursus	Agensi
a. Perlindungan Sinaran Untuk Pegawai	Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT)
b. Keselamatan Sinaran dan Kesihatan	MINT
c. Kesedaran Keselamatan Sinaran	MINT
d. Perlindungan Sinaran Untuk Pekerja	MINT
e. Keselamatan Radiografi Untuk Pembantu Pengendali ¹	MINT
f. Radiografi Industri Peringkat Asas (Level I)	MINT
g. Radiografi Industri Peringkat Pertengahan (Level II)	MINT
h. Radiografi Industri Peringkat Tinggi (Level III)	MINT
i. Kesedaran Keselamatan Perlindungan Sinaran (Tolok dan Penjual) ²	RSO Resources Sdn. Bhd.
j. Kesedaran Keselamatan Perlindungan Sinaran (Tolok dan Penjual) ²	Asia Lab (M) Sdn. Bhd.

Nota:

Syarikat yang terlibat dengan aktiviti radiografi industri, sijil yang dikeluarkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) perlu disertakan.

¹ Mulai 1 Mei 2002, jawatan pembantu pengendali akan dihapuskan [Rujuk Notis Pemberitahuan Bil. 01/2001].

² Sijil kehadiran atau penyertaan Kursus Keselamatan Perlindungan Sinaran (Tolok dan Penjual) tidak sah untuk pengiktirafan pekerja sinaran sebagai PPS, PY dan P (khusus untuk aktiviti radiografi industri).

ARAHAN AELB

3. Dengan ini, syarikat yang ingin mengemukakan permohonan untuk pengiktirafan pekerja sinaran sebagai PPS, PY atau P(khusus untuk aktiviti radiografi industri) hendaklah mengemukakan sijil kehadiran atau penyertaan kursus perlindungan atau kesedaran keselamatan sinaran yang dinyatakan di atas.

PENUTUP

4. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah:

Pengarah
Bahagian Kod & Standard
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Tingkat 13, Plaza Pekeliling
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

e-mel : pbs@aelb.gov.my
<http://www.aelb.gov.my>

Tel : 03 - 4042 3633
Faks : 03 - 4041 5855